

PENGLIBATAN MASYARAKAT MELAYU DAN PENCAPAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI LUAR BANDAR

(MALAY COMMUNITY PARTICIPATION AND THE ACHIEVEMENT OF THE RURAL COMMUNITY DEVELOPMENT PROGRAMME)

Haris Abd. Wahab

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti penglibatan masyarakat luar bandar dalam program Gerakan Desa Wawasan (GDW). Penglibatan masyarakat dianalisis dari aspek penyertaan mereka dalam proses membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian aktiviti yang dilaksanakan. Kajian yang dilakukan di negeri Kelantan ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kesan penglibatan masyarakat terhadap pencapaian program GDW. Menggunakan kaedah tinjauan, satu set soal selidik telah diedarkan kepada 480 orang responden secara rawak. Secara umumnya masyarakat luar bandar telah melibatkan diri dalam proses membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian aktiviti program GDW. Penglibatan masyarakat luar bandar ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian program GDW yang dilaksanakan di negeri Kelantan.

Abstract

This study examines the participation of the rural community in the Gerakan Desa Wawasan (GDW) programme, namely, in the decision-making process, programme implementation, benefits sharing and activity evaluation. The study which was conducted in the state of Kelantan, also aimed at identifying the impact of community participation towards the achievement of the GDW programme. Adopting the survey method, a pre-tested interview schedule was

randomly administered to 480 respondents. The research revealed that the local community obviously participated in the decision making process, implementation, benefits sharing and activity evaluation of the GDW programme. The research findings also indicated that community participation has a significant relationship with the achievement of the GDW programme implemented in the state of Kelantan.

Pendahuluan

Pembangunan komuniti adalah proses yang menggabungkan usaha manusia dalam komuniti dengan usaha-usaha badan kerajaan dan bukan kerajaan untuk memperbaiki taraf ekonomi, sosial dan kebudayaan komuniti supaya kemajuan itu nanti akan menghasilkan pembangunan negara keseluruhannya. Literatur menunjukkan terdapat tiga pendekatan yang sering digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis pendekatan pelaksanaan sesuatu program pembangunan komuniti. Pertama, pendekatan 'atas-bawah' (*top-down approach*) (Batten, 1957; Eaton, 1963; Ross, 1967; Hunter, 1982; Roger, 1995; Hansen, 1981). Kedua, pendekatan 'bawah-atas' (*bottom-up approach*) (Batten, 1957; Eaton, 1963; Ross, 1967; United Nation, 1971, 1981; Stohr, 1981; Bryant and White, 1980; Conyers, 1982; Oakley and Marsden, 1985). Ketiga, pendekatan bersepadu (*integrated approach*) (Eaton, 1963; Ross, 1967; Asnarulkhadi, 1988, 2009). Ketiga-tiga pendekatan di atas menjelaskan bagaimana proses kerja komuniti dilaksanakan dalam menyelesaikan masalah komuniti.

Kebanyakan program pembangunan komuniti yang dilaksanakan di Malaysia pada peringkat awal mengamalkan pendekatan yang berbentuk 'atas-bawah' (*top-down approach*). Pendekatan ini menjelaskan gagasan keperluan untuk melakukan sesuatu perubahan dalam aspek sosial, ekonomi, kesihatan, pendidikan dan kemasyarakatan berdasarkan objektif pemerintah. Melalui pendekatan ini, pemerintah yang diwakili oleh segolongan perancang dari atas melihat secara luas tentang keperluan masyarakat. Perancang akan bertindak merancang dan menggembelng sumber yang ada di persekitaran bagi memenuhi apa yang difikirkan perlu untuk masyarakat (Batten, 1957; Eaton, 1963; Ross, 1967; Hunter, 1982; Zainal, 1986; Gboku, 1993; Rogers, 1995; Asnarulkhadi, 1988, 2009). Pendekatan ini membolehkan sesuatu program pembangunan

komuniti dilaksanakan dalam ruang lingkup yang luas (nasional). Walau bagaimanapun, pendekatan ini lebih memberi tumpuan kepada kepentingan negara berbanding kepentingan kumpulan sasar yang terlibat.

Pendekatan pembangunan komuniti di Malaysia mula mengalami perubahan setelah berlakunya proses transformasi kedua pembangunan luar bandar. Transformasi yang berlaku memberi tumpuan kepada pendekatan ‘bawah-atas’ (*bottom-up approach*) dalam melaksanakan sesuatu program pembangunan komuniti. Melalui pendekatan ini, gagasan keperluan untuk melakukan sesuatu perubahan dalam masyarakat bermula dari sudut pandangan penduduk setempat. Penekanan diberi kepada inisiatif dan usaha komuniti sendiri dalam menjayakan kemajuan dan perubahan dalam lingkungan komuniti di mana mereka tinggal (Batten, 1957; Eaton, 1963; United Nation, 1971, 1981; Bryant and White, 1980; Stohr, 1981; Conyers, 1982; Oakley dan Marsden, 1985; Zainal, 1986; snarulkhadi, 1988, 2009). Kesannya, pendekatan ini berjaya memberi kebebasan dan hak komuniti membuat keputusan bagi menentukan masa depan mereka. Pelaksanaan pendekatan ‘bawah-atas’ ini adalah sejajar dengan idea awal pembangunan komuniti yang mementingkan penglibatan ahli komuniti dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Program Gerakan Desa Wawasan (GDW) telah dirancang dan dilaksanakan pada tahun 1996 oleh kerajaan bagi merealisasikan penggunaan pendekatan ‘bawah-atas’ dalam program pembangunan komuniti luar bandar.

Kerangka Teoritikal Penglibatan Masyarakat

Literatur membuktikan bahawa program pembangunan komuniti yang mengamalkan perancangan ‘bawah-atas’ telah berjaya menawarkan perkhidmatan dan kemudahan yang menepati keperluan masyarakat (Haque et al., 1977; Silva et al., 1979; Korten, 1980; Cheong, 1987; Quieta, 2004). Program-program pembangunan komuniti di luar negara yang mempraktikkan pendekatan ‘bawah-atas’ telah berjaya membantu menyelesaikan masalah kemunduran masyarakat luar bandar. Antara program tersebut ialah Program Santhal Movement di India, Bhoomi Seno Movement di India, Rangpur Self-relient Movement di Bangladesh, Quechua Alto Valle Co-operation di Bolivia, Savodaya Sharamandana

Movement di Sri Lanka, Indian National Dairy Development Board, Saemaul Undong di Korea dan Self-Employment Assistance Program di Filipina. Pelaksanaan program-program pembangunan komuniti ini mementingkan penglibatan ahli komuniti serta memberi kebebasan dan hak komuniti membuat keputusan bagi menentukan masa depan mereka.

Ideologi penglibatan yang menggambarkan pelaksanaan pendekatan perancangan 'bawah-atas' merupakan reaksi kepada kegagalan birokrasi kolonial dan penggunaan pendekatan 'atas-bawah' dalam pelaksanaan program pembangunan komuniti di Negara Dunia Ketiga (Moris, 1981; Pratt and Boyden, 1985; Mohd Shukri, 1989; Kelly and Vlaenderen, 1996; Maimunah, 1999; Asnarulkhadi, 2001, 2005). Di mana pendekatan 'atas-bawah' tidak menggalakkan orang ramai menganalisis masalah mereka sendiri bagi tujuan meningkatkan tahap hidup mereka (Gboku, 1993).

Penglibatan komuniti dalam aktiviti yang dilaksanakan adalah kunci kepada program pembangunan komuniti yang mengamalkan pendekatan perancangan 'bawah-atas' (Kelly and Vlaenderen, 1996). Penglibatan komuniti juga menjadi pra-syarat untuk kejayaan pelaksanaan sebarang projek pemulihan (Soen, 1981). Moser (1989) dan Williams (2005) menjelaskan bahawa penglibatan boleh dilihat daripada dua perspektif. Pertama, penglibatan sebagai cara untuk mencapai pembangunan. Kedua, penglibatan komuniti sebagai alat untuk mencapai matlamat atau objektif yang ditentukan lebih awal. Perspektif pertama mengutamakan pencapaian matlamat daripada penglibatan komuniti itu sendiri. Perspektif kedua pula menganggap penglibatan sebagai matlamat dalam proses membawa perubahan yang mengutamakan penyertaan langsung anggota komuniti dalam merencana dan mereka bentuk pembangunan yang diinginkan.

Mengikut Joshi (1995) istilah penglibatan telah digunakan dalam pelbagai konteks seperti pembangunan komuniti, pengurusan institusi, operasi pengurusan, perwakilan pekerja dalam pengurusan industri, mobilisasi sosial dan gerakan politik. Antara istilah yang telah digunakan dalam sorotan bagi menggambarkan penglibatan komuniti ialah penglibatan orang ramai, penglibatan sukarela, penglibatan awam, penyertaan orang ramai, kerjasama awam dan tindakan kolektif. Oleh

itu istilah penglibatan boleh ditakrifkan dengan berbagai-bagai pengertian mengikut konteks konsep tersebut digunakan. Arnstein (1971) mentakrifkan penglibatan sebagai pembahagian semula kuasa untuk membolehkan penduduk miskin turut serta dalam pemilihan kuasa. Kumpulan perunding daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (1981) pula mendefinisikan penglibatan komuniti sebagai pembentukan peluang yang sama kepada semua ahli komuniti untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembangunan. Ini bermakna individu di semua peringkat diberi peluang yang sama untuk mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan. Dalam konteks pembangunan komuniti, penglibatan dilihat sebagai kemahuan individu secara suka rela membuat komen atau cadangan dalam sesuatu forum komuniti (*community forum*), berkongsi pendapat dengan ahli-ahli dan mengambil berat atau bertanggungjawab terhadap aktiviti kumpulan (Brokensha and Hodge, 1969; Brian et al., 1975; Edwards and Jones, 1976; Tosun, 2000; Bowen, 2008; Cornwall, 2008). Selaras dengan itu, Cohen dan Uphoff (1977) telah menjelaskan makna penglibatan dalam konteks pembangunan komuniti luar bandar. Menurut mereka penglibatan adalah:

“Including people’s involvement in decision-making processes about what would be done and how; their involvement in implementing programs and decisions by contributing various resources or cooperating in specific organizations or activities; their sharing in the benefits of development programs; and/or their involvement in efforts to evaluate such programs” (hal. 6)

Proses penglibatan berlaku apabila ahli komuniti terlibat dalam proses membuat keputusan mengenai sesuatu perkara dan menentukan bagaimana perkara tersebut seharusnya dilaksanakan, bentuk penglibatan mereka yang turut serta, bagaimana keuntungan diagihkan serta bagaimana orang ramai dapat dilibatkan dalam penilaian ke atas aktiviti yang disertai (Cohen and Uphoff, 1977; Bowen, 2008; Cornwall, 2008; Tandon 2008). Penyertaan ahli komuniti dalam sesuatu aktiviti boleh berlaku dalam bentuk sumbangan tenaga, barangan dan wang ringgit. Penyertaan dalam bentuk sumbangan ini boleh berlaku pada peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian sesuatu program.

Terdapat beberapa teori yang cuba menjelaskan tentang kerelaan ahli komuniti untuk terlibat dalam sesuatu pergerakan sosial. Pertama, Teori Psikologi Sosial Mengenai Pergerakan Masyarakat (Toch, 1966; Kenniston, 1968; LeBon, 1968; Geschwender, 1968; Kerpelman, 1969; Gurr, 1970; Rothman, 1974; Landsberger, 1976, Zurcher and Snow, 1981; Klandermans, 1984). Kedua, Teori Mobilisasi Sumber (Oberschall, 1973; Gamson, 1975, Marx and Wood, 1975; McCarthy and Zald, 1976; Snow et al., 1980; Gamson et al., 1978; Klandermans, 1984). Ketiga, Teori Tindakan Kolektif (Olson, 1965; O'Brien, 1974; Stinson and Stam, 1976; Sharp, 1978; Rich, 1980; Wandersman, 1981; Oliver, 1980; Smith, 1981; Henig, 1982; Klandermans et al., 2002). Teori-teori ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang mendorong individu untuk melibatkan diri dalam pergerakan sosial.

Mengikut Klandermans (1984) Teori Psikologi Sosial Mengenai Pergerakan Masyarakat (*Social-psychological Theories of Social Movement*) adalah antara teori yang banyak digunakan oleh ahli sosiologi untuk menjelaskan penglibatan individu dalam pergerakan sosial. Klandermans (1984) yang memetik pendapat-pendapat pengkaji-pengkaji terdahulu mendapati bahawa penglibatan anggota masyarakat dalam sesuatu pergerakan sosial dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti latar belakang individu (Kenniston, 1968; Kerpelman, 1969), perasaan tidak ingin diketepikan dan tersisih (LeBon, 1968), perasaan tidak puas hati dan fahaman yang dianuti (Toch, 1966; Geschwender, 1968; Gurr, 1970; Rothman, 1974; Landsberger, 1976). Menurut Klandermans (1984) juga menjelaskan penglibatan seseorang individu adalah berkait rapat dengan pemberian peluang untuk mereka terlibat. Ini bermakna seseorang akan bergiat cergas sekiranya mereka tahu bagaimana untuk terlibat, kerelaan dan inisiatif sendiri untuk terlibat serta tiada paksaan untuk turut terlibat. Elemen penting dalam teori ini ialah nilai jangkaan terhadap hasil daripada penglibatan dalam sesuatu pergerakan sosial. Namun begitu, sekiranya jangkaan mereka terhadap hasil penglibatan mereka adalah tinggi, tidak bermakna seseorang individu tersebut akan terus terdorong untuk turut terlibat dalam sesuatu pergerakan. Hal ini kerana keinginan untuk terlibat bergantung kepada kerelaan individu itu sendiri. Sebaliknya, sekiranya jangkaan mereka tinggi maka kemungkinan untuk terlibat adalah lebih besar berbanding sekiranya jangkaan mereka rendah. Menurut teori ini, perbezaan nilai jangkaan ini berkait rapat dengan

perbezaan hasil sama ada yang berbentuk kebendaan atau bukan kebendaan.

Teori Mobilisasi Sumber (*Resource Mobilization Theory*) pula menjelaskan bahawa seseorang individu akan membuat pertimbangan secara rasional tentang kos dan manfaat daripada penglibatan terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk melibatkan diri dalam sesuatu pergerakan sosial (Klandermans, 1984). Kos dan faedah terpilih merupakan perkara yang penting dalam mempengaruhi jangkaan kerelaan individu untuk turut serta dalam sesuatu aktiviti. Freeman (1979) dan Tolbert (1981) menyatakan terdapat perbezaan yang nyata antara kos dengan faedah. Perbezaan yang paling ketara adalah jangkaan terhadap reaksi orang lain yang mempunyai kaitan dengan dirinya dan jangkaan terhadap sesuatu nilai yang penting seperti wang, masa, kecederaan dan hiburan. Teori ini sebenarnya cuba mengaitkan tahap penglibatan seseorang dengan kepentingan individu itu sendiri. Kepentingan individu itu mempunyai kaitan dengan pengaruh orang di sekeliling yang penting dalam kehidupan mereka. Mereka yang mempunyai kepentingan dalam hidup mereka ialah seperti ibu, bapa, abang, kakak dan kawan. Begitu juga kaitan antara penglibatan dengan jangkaan mereka terhadap kerugian atau keuntungan yang akan diperolehi hasil daripada penglibatan dalam program tersebut. Mengikut teori ini penglibatan seseorang dalam aktiviti sosial tidak dipengaruhi oleh sifat-sifat peribadi seseorang (Klandermans, 1984). Apa yang lebih penting mengikut teori ini ialah kewujudan faktor-faktor struktur seperti kewujudan sumber yang boleh digunakan untuk kepentingan mereka, kedudukan istimewa dalam sistem sosialnya dan menekankan rasional penyertaan mereka dalam gerakan sosial (Oberschall, 1973; Gamson, 1975; Marx and Wood, 1975; McCarthy and Zald, 1976; Snow et al., 1980; Gamson et al., 1978; Klandermans, 1984).

Teori Tindakan Kolektif (*Theories of Collective Action*) menyediakan kerangka dalam memahami situasi penglibatan orang ramai dalam program pembangunan komuniti sebagai satu bentuk tindakan kolektif (Olson, 1965; Rich, 1980; O'Brien, 1974; Henig, 1982; Wandersman, 1981; Smith, 1981; Sharp, 1978; Stinson and Stam, 1976; Oliver, 1984; Klandermans et al., 2002). Mengikut Olson (1965) tindakan kolektif adalah:

“activities which produce collective or public goods, that is, goods with the nonexcludability property that their provision to some members of a group means that they cannot be withheld from others in the group” (hal. 14)

Batten (1957), Curtis (1958), Mezirow (1963), Biddle dan Biddle (1965), Cary (1970) dan Thomas (1983) memberi penekanan kepada aspek tindakan sendirian anggota komuniti secara kolektif untuk membangunkan diri, mengenal pasti masalah dan keperluan dan seterusnya cuba menangani masalah serta memenuhi keperluan. Tindakan secara kolektif ini boleh berlaku apabila orang ramai yang tinggal dalam sesuatu kawasan dapat berkongsi minat yang sama dan seterusnya mendorong kepada pembentukan barangan kolektif. Barangan kolektif yang menjadi tumpuan anggota komuniti ialah barangan kolektif persekitaran dan barangan kolektif sosial. Teori ini juga mengandaikan bahawa orang ramai lebih bersedia untuk melibatkan diri dalam tindakan kolektif jika mereka percaya bahawa orang lain akan turut berbuat demikian (Oliver et al. 1984).

Berdasarkan kepada penjelasan teori-teori di atas menunjukkan penglibatan adalah bersifat kumulatif dan memerlukan instrumen yang berbagai-bagai untuk mengukurnya (Milbraith, 1969; Isaac and Michael, 1995). Selari dengan andaian dan cadangan teori-teori di atas, Cohen dan Uphoff (1977) dan United Nations Asian and Pasific Development Institute (1980) telah mencadangkan empat bentuk penglibatan masyarakat dalam program pembangunan komuniti luar bandar, iaitu penglibatan dalam membuat keputusan, penglibatan dalam pelaksanaan aktiviti, penglibatan dalam berkongsi manfaat dan penglibatan dalam penilaian program. Penglibatan ahli komuniti dalam setiap bentuk penglibatan (membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian) akan membantu mengenal pasti masalah dan keperluan asas bagi program pembangunan, memastikan kerjasama yang baik daripada orang ramai dalam program pembangunan dan meningkatkan bilangan penggunaan kemudahan atau perkhidmatan (Arnstein, 1971; Smith, 1974; Brian et al., 1975; Cohen and Uphoff, 1977; United Nations Asian And Pacific Development Institute, 1980; Mulder and Wilke, 1983; Buccus et al., 2008; Taylor, 2008; Becker; 2008; Newman, 2008).

Metodologi Kajian

Kajian untuk mengukur kesan pelaksanaan penglibatan masyarakat terhadap pencapaian program Gerakan Desa Wawasan (GDW) di negeri Kelantan telah dilakukan pada tahun 2006. Kajian ini melibatkan seramai 480 orang responden Melayu. Pemilihan responden sebagai sampel kajian ini melibatkan tiga tahap prosedur sampel rawak. Tahap pertama, pemilihan jajahan, di mana program GDW dilaksanakan di semua jajahan (daerah) dalam negeri Kelantan. Tiga jajahan telah dipilih secara rawak mudah (Jajahan Pasir Mas, Tumpat dan Bachok). Tahap kedua, pemilihan kampung sebagai lokasi kajian daripada sejumlah 270 buah kampung yang melaksanakan program GDW di bawah penyelarasan KEMAS Negeri Kelantan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 2001, di dapati bahawa sebanyak 15 buah kampung-kampung telah dikategorikan sebagai aktif, 30 buah kampung memperoleh pencapaian sederhana, 155 buah kampung sebagai tidak aktif dan selebihnya 70 buah kampung lagi belum dinilai pencapaiannya (KPLB, 2001). Bagi memudahkan pemilihan sampel, kampung-kampung yang terlibat dalam setiap jajahan yang telah terpilih dikelompokkan kepada tiga kategori. Menggunakan prosedur rawak mudah, sebuah kampung bagi setiap kategori (aktif, sederhana dan tidak aktif) dalam setiap jajahan (Pasir Mas, Tumpat, Bachok) telah dipilih. Secara keseluruhan, terdapat 9 buah kampung yang telah terpilih dalam kajian ini.

Tahap ketiga dalam prosedur persampelan melibatkan pemilihan ketua keluarga sebagai responden kajian daripada 9 buah kampung GDW yang terpilih. Bagi maksud kajian ini, bapa dalam sesuatu keluarga adalah dianggap sebagai ketua keluarga dan jika sebuah keluarga itu ketiadaan suami, maka ibu atau anak yang paling tua dikira sebagai ketua keluarga. Senarai nama ketua keluarga bagi setiap kampung yang terpilih diperolehi daripada Bilik Gerakan GDW yang ada di setiap kampung tersebut. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 1,589 buah keluarga dalam sembilan buah kampung yang terpilih. Bagi tujuan pemilihan responden kajian, 30 peratus daripada ketua keluarga setiap kampung dipilih sebagai sampel secara rawak mudah. Berpandukan kepada peratusan ini, seramai 480 ketua keluarga telah terpilih sebagai responden. Responden yang terpilih mempunyai latar belakang yang pelbagai dari segi umur, jantina,

status perkahwinan, saiz isi rumah, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan (Jadual 1).

Jadual 1.0: Taburan Maklumat Demografi dan Sosial Responden Kajian

Maklumat Demografi	Kategori Kampung			
	KA (n=182)	KSA (n=139)	KKA (n=159)	KS (N=480)
Umur				
< 25 tahun	7.1	2.2	3.1	4.4
25 – 39 tahun	41.8	22.3	25.2	30.6
40 – 54 tahun	39.6	48.9	47.8	45.0
> 54	11.5	26.6	23.9	20.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0
<i>Umur purata</i>	40.2	47.6	46.1	44.3
<i>Umur minimum</i>	20	21	24	20
<i>Umur maksimum</i>	78	78	78	78
Jantina				
Lelaki	67.6	83.5	78.0	75.6
Perempuan	32.4	16.5	22.0	24.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0
Status Perkahwinan				
Belum Kahwin	12.1	8.6	3.1	8.0
Berkahwin	83.5	88.5	88.7	86.7
Bercerai/Duda/Balu	2.7	2.9	6.3	4.0
Kahwin Semula	1.6	0.0	1.9	1.3
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0
Saiz Isi Rumah				
1 - 3 orang	14.8	11.5	13.8	13.5
4 - 6 orang	47.8	44.6	38.4	43.8
7 - 9 orang	28.6	36.7	33.3	32.5
> 9 orang	8.8	7.2	14.5	10.2
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0
Tahap Pendidikan				
Tidak sekolah	3.3	23.7	4.4	9.6
Sekolah rendah	16.5	23.7	31.4	23.5
SRP/LCE	21.4	20.1	18.2	20.0
SPM/MCE/SPVM	44.5	18.0	39.0	35.0
STPM/HSC	1.6	4.3	2.5	2.7
Sekolah agama	1.1	5.0	0.6	2.1
Sijil	3.3	0.0	0.0	1.3
Diploma	4.9	3.6	1.3	3.3
Ijazah	3.3	1.4	2.5	2.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Pekerjaan Utama				
Kakitangan kerajaan	23.1	10.1	18.2	17.7
Kakitangan swasta	12.6	10.1	7.5	10.2
Berniaga	13.7	11.5	14.5	13.3
Bertani	18.7	33.1	7.5	19.2
Suri rumah	8.2	4.3	13.8	9.0
Buruh binaan	17.0	26.6	33.3	25.2
Lain-lain	6.6	4.3	5.0	5.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0
Pendapatan Bulanan				
< RM 692	60.4	81.3	60.4	66.5
RM 692 – 900	17.0	10.8	16.4	15.0
RM 901 – 1100	3.8	1.4	6.9	4.1
RM1101 – 1300	2.2	0.0	1.9	1.5
> RM1300	16.5	6.5	14.5	12.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan indikator-indikator penglibatan dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian bagi mengukur penglibatan penduduk kampung dalam program GDW. Kaedah ukuran yang digunakan adalah berasaskan kepada skala *Likert* empat peringkat yang masing-masingnya diberikan skor. Pengkaji membuat ketetapan bahawa responden telah melibatkan diri dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, penerimaan manfaat dan penilaian dalam program GDW apabila mereka telah turut serta dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti yang dinyatakan. Maklumat kajian yang diperolehi melalui temu bual secara bersemuka menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian komputer “*Statistical Package for the Social Science*” (SPSS). Prosedur Jadual Silang diguna bagi mendapatkan gambaran taburan penglibatan mengikut pencapaian kampung yang terlibat. Manakala Analisis Khi Kuasa Dua dan analisis korelasi Cramer’s V digunakan untuk menentukan keertian hubungan serta kekuatan hubungan antara dua angkubah yang dikaji. Perbincangan hasil kajian adalah mengikut kategori pencapaian kampung, iaitu kampung aktif (KA), kampung sederhana aktif (KSA), kampung kurang aktif (KKA) dan keseluruhan kampung (KS).

Latar Belakang Program Gerakan Desa Wawasan

Program Gerakan Desa Wawasan (GDW) merupakan program pembangunan komuniti yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk masyarakat luar bandar dalam usaha Transformasi Kedua Luar Bandar (KPLB, 1998). Skop pembangunan luar bandar dalam Transformasi Kedua Luar Bandar dirancang mengikut perubahan sosial dan perubahan yang berlaku dalam keperluan masyarakat. Tumpuan diberikan lebih kepada peningkatan kualiti prasarana, pelaksanaan projek-projek ekonomi moden, industri dan pembangunan sumber manusia yang lebih cemerlang (KPLB, 2001). Matlamat Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar ini adalah untuk melahirkan insan luar bandar yang berkualiti dan menguasai nilai murni.

Program GDW telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kampung FELCRA Seberang Perak, Daerah Hilir Perak pada 4 Julai 1996. Program GDW diperkenalkan bagi membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk desa ke arah transformasi luar bandar. Gerakan ini memberi penekanan kepada aspek penglibatan penduduk desa sendiri dalam perancangan program pembangunan bagi menjadikan kawasan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan (KPLB, 2001). Sehingga tahun 2001 sebanyak 3,493 buah kampung telah terpilih untuk menyertai program GDW di seluruh Malaysia (Jadual 2.0).

Penglibatan dan Pencapaian Program GDW

Penglibatan secara sukarela oleh komuniti setempat merupakan indikator penting kejayaan projek pembangunan luar bandar (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1956/1963; Lele, 1975; Cohen and Uphoff, 1977; Coombs, 1980; Korten, 1986; Finsterbusch and van Wicklen, 1989; Cernea, 1991; Pretty, 1995; Community Development Academy, 1997; Maimunah, 1999; Tosun, 2000; Clarke 2002; Bowen, 2008) dan juga dianggap sebagai strategi pelaksanaan terpenting dalam proses pembangunan luar bandar (Oakley and Marsden, 1985). Di mana penglibatan secara sukarela mengizinkan penduduk setempat bertindak sendiri, mengenal pasti kehendak dan masalah serta merangka rancangan

Jadual 2.0: Kedudukan Kampung GDW Mengikut Negeri dan Agensi Penyelaras Sehingga Tahun 2001

Negeri	Bilangan Kampung GDW Mengikut Negeri Dan Agensi Penyelaras								Jumlah
	KEMAS	RISDA	FELCRA	KESEDAR	KE TENGAH	KEDA	PERDA	KEJORA	
Johor	266	19	7	-	-	-	-	28	320
Kedah	216	12	4	-	-	46	-	-	278
Kelantan	270	9	3	49	-	-	-	-	331
Melaka	162	11	3	-	-	-	-	-	176
N. Sembilan	231	16	3	-	-	-	-	-	250
Pahang	331	16	9	-	-	-	-	-	356
P. Pinang	124	-	1	-	-	-	36	-	161
Perak	340	11	17	-	-	-	-	-	368
Perlis	98	6	1	-	-	-	-	-	105
Selangor	236	12	-	-	-	-	-	-	248
Terengganu	216	14	6	-	34	-	-	-	270
Sabah	265	-	-	-	-	-	-	-	265
Sarawak	339	-	3	-	-	-	-	-	342
Wilayah Persekutuan	23	-	-	-	-	-	-	-	23
Jumlah	3117	216	57	49	34	46	36	28	3493

Sumber: Bahagian Pemodenan Desa, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2002.

untuk tindakan secara bersama. Selain itu, penglibatan yang bersifat demokratik dan sukarela dalam program pembangunan juga menjadi asas pembentukan semangat keyakinan diri sendiri dan akhirnya kemampuan untuk berdikari (Mukerji, 1961; Mowforth and Munt, 1998; Bowen 2008). Kebebasan untuk menentukan sendiri corak aktiviti pembangunan di kawasan penduduk setempat adalah penting bagi memupuk semangat bekerjasama dan tolong menolong agar matlamat pembangunan yang ditetapkan dapat dicapai.

Conyers (1982) juga telah mengenal pasti tiga kepentingan penglibatan penduduk setempat dalam sesuatu program. Pertama, sebagai satu cara untuk mendapatkan maklumat tentang keadaan profil komuniti setempat yang ingin dibangunkan, kekurangan keperluan yang diperlukan oleh komuniti serta kapasiti sumber komuniti berkenaan. Kedua, individu akan lebih komited kepada pembangunan sekiranya mereka dilibatkan dalam perancangan dan penyediaannya. Hal ini kerana mereka mengaitkan projek tersebut dengan dirinya dan menganggap projek itu sebagai projek mereka (*sense of ownership*). Ketiga, menurut ideologi demokrasi, penglibatan penduduk setempat dalam menentukan program pembangunan diri sendiri merupakan hak asasi setiap individu. Ketiga-tiga elemen ini membantu dalam menentukan kejayaan program yang dilaksanakan melalui peningkatan usaha bekerjasama, tolong menolong dan integrasi di kalangan anggota setempat. Boyle (1981) pula menyatakan penglibatan kumpulan sasaran dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program penting untuk: (i) meningkatkan daya pemikiran seseorang dalam membantunya membuat keputusan dengan lebih baik, (ii) menjadi medium bagi penduduk setempat meluahkan masalah yang dialami, (iii) membolehkan kumpulan sasaran menyampaikan keperluan mereka secara lebih tepat kepada penggubal dasar dan (iv) menggalakkan penggunaan seoptimumnya inisiatif, daya cipta dan sikap berdikari yang terdapat dalam diri komuniti yang ingin dibangunkan.

Mengikut Cohen dan Uphoff (1977) proses penglibatan penduduk setempat dalam sesuatu program pembangunan komuniti akan berlaku apabila mereka terlibat dalam proses membuat keputusan mengenai sesuatu aktiviti yang hendak dilaksanakan. Selain itu, mereka juga turut serta dalam pelaksanaan aktiviti yang dirancang, menerima manfaat

daripada aktiviti berkenaan dan terlibat dalam menilai keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan.

i. Penglibatan dalam membuat keputusan

Penglibatan komuniti setempat dalam membuat keputusan berkaitan aktiviti program GDW dilihat dalam sepuluh aspek kehadiran dalam mesyuarat GDW, memberi pandangan dan pendapat dalam perjumpaan program GDW, menilai masalah atau keperluan dalam program GDW, menentukan keutamaan masalah atau keperluan dalam program GDW, membuat keputusan mengenai pelaksanaan aktiviti program GDW, membuat perancangan dan tindakan aktiviti program GDW, membuat keputusan dalam pengagihan faedah program GDW, membentuk pelan operasi atau tindakan program GDW, membuat keputusan dalam menyelesaikan konflik yang berlaku dan mewakili kumpulan dalam perbincangan dengan agensi pelaksana.

Berdasarkan Jadual 3.0 sebilangan besar responden (82.7 %) telah terlibat dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti membuat keputusan berkaitan pelaksanaan program GDW. Hanya sebilangan kecil (17.3 %) sahaja responden yang tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti membuat keputusan berkaitan program GDW di tempat mereka. Analisis mengikut kategori keaktifan kampung menunjukkan bilangan yang berbeza di antara ketiga-tiga kategori kampung dari segi penglibatan responden dalam aktiviti membuat keputusan. Sejumlah besar responden dari kampung yang dikategorikan aktif (95.6 %), sederhana aktif (89.9 %) dan kurang aktif (66.0 %) telah mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan program GDW di tempat mereka. Terdapat juga sebilangan responden dari kampung yang aktif (4.4 %), sederhana aktif (15.1 %) dan kurang aktif (34.0 %) yang tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti membuat keputusan dalam program GDW. Analisis statistik Ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat perkaitan signifikan yang kuat ($P < 0.00$) di antara penglibatan penduduk kampung dalam aktiviti membuat keputusan dengan pencapaian keaktifan sesebuah kampung GDW. Penemuan ini menunjukkan semakin ramai penduduk sesebuah kampung terlibat dalam aktiviti membuat keputusan, semakin tinggi tahap keaktifan sesebuah kampung berkenaan.

Jadual 3.0: Penglibatan Komuniti Dalam Program GDW

Penglibatan	Kategori Kampung				Nilai X ²	dk	Cramer's V
	KA (n=182)	KSA (n=139)	KKA (n=159)	KS (N=480)			
Membuat keputusan					52.524**	2	0.331
Tidak terlibat	4.4	15.1	34.0	17.3			
Terlibat	95.6	89.9	66.0	82.7			
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0			
Pelaksanaan					12.051**	2	0.158
Tidak terlibat	7.7	15.1	20.8	14.2			
Terlibat	92.3	84.9	79.2	85.8			
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0			
Menerima Manfaat					39.192**	2	0.286
Tidak terlibat	6.6	2.9	23.9	11.2			
Terlibat	93.4	97.1	76.1	88.8			
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0			
Penilaian					15.641**	2	0.181
Tidak terlibat	20.9	25.2	39.6	28.3			
Terlibat	79.1	74.8	60.4	71.7			
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0			

Nota: dk = darjah kebebasan; ** P < 0.01

ii. Penglibatan dalam pelaksanaan

Penglibatan dalam pelaksanaan merujuk kepada kesanggupan penduduk kampung untuk memberi sumbangan tenaga dan kebendaan dalam program GDW (Cohen dan Uphoff, 1977; Bowen, 2008). Dalam kajian ini, penglibatan penduduk dalam pelaksanaan program GDW diukur daripada aspek sumbangan mereka dari segi tenaga, khidmat nasihat, wang tunai, bangunan dan peralatan dalam pelaksanaan aktiviti atau projek program GDW. Pembangunan komuniti yang efektif sukar dicapai jika berlaku kekurangan sumber-sumber tersebut.

Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (85.8 %) penduduk kampung telah terlibat dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti pelaksanaan program GDW di tempat mereka (Jadual 3.0). Terdapat sebilangan kecil (14.2 %) sahaja mereka yang tidak turut serta dalam sebarang pelaksanaan aktiviti program GDW di

kampung mereka. Analisis mengikut kategori keaktifan kampung pula menunjukkan sebilangan besar penduduk dari kampung aktif (92.3 %), sederhana aktif (84.9 %) dan kurang aktif (79.2 %) telah turut serta dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti pelaksanaan di tempat mereka. Hanya segelintir penduduk dari kampung yang aktif (7.7%) dan sebilangan kecil dari kampung yang sederhana aktif (15.1 %) yang tidak turut serta dalam sebarang aktiviti pelaksanaan program GDW di tempat mereka. Sementara itu, agak besar juga bilangan (20.8 %) penduduk dari kampung yang kurang aktif yang tidak turut serta dalam sebarang aktiviti pelaksanaan program GDW di kampung mereka. Kurangnya penyertaan penduduk kampung kurang aktif ini mungkin disebabkan tidak banyak aktiviti atau projek di bawah program GDW yang dilaksanakan di tempat mereka. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang untuk turut serta dalam aktiviti pelaksanaan program GDW. Analisis statistik Ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat perkaitan signifikan yang kuat ($P < 0.00$) di antara penglibatan penduduk kampung dalam pelaksanaan dengan pencapaian keaktifan sesebuah kampung GDW. Penemuan ini menunjukkan semakin ramai penduduk sesebuah kampung turut serta dalam pelaksanaan program GDW, semakin tinggi pencapaian keaktifan kampung berkenaan.

iii. Penglibatan dalam menerima manfaat

Penglibatan dalam menerima manfaat merujuk kepada faedah yang diperoleh penduduk kampung hasil penglibatan mereka dalam program GDW. Penglibatan penduduk dalam sesuatu aktiviti pembangunan komuniti merupakan satu bentuk pelaburan sosial. Apabila sampai tahap tertentu mereka akan menikmati faedah hasil daripada pelaburan yang dibuat. Penglibatan penduduk kampung dalam menerima manfaat dilihat dari aspek menerima keuntungan daripada projek dan aktiviti yang diusahakan, terpilih mengikuti latihan, mendapat penghormatan, peningkatan pengetahuan atau kemahiran serta hidup dalam suasana yang harmoni.

Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (88.8 %) penduduk kampung telah menerima sekurang-kurangnya satu manfaat daripada pelaksanaan aktiviti dan projek yang dilaksanakan dalam program GDW di tempat mereka (Jadual 3.0). Faedah ini

dinikmati oleh sebilangan besar penduduk dari kampung sederhana aktif (97.1 %), aktif (93.4 %) dan kurang aktif (76.1 %). Analisis statistik Ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat perkaitan signifikan yang kuat ($P < 0.01$) di antara penerimaan menerima manfaat daripada program GDW oleh penduduk dengan pencapaian keaktifan sesebuah kampung. Ini menggambarkan semakin ramai penduduk kampung yang menerima manfaat daripada program GDW, semakin baik pencapaian kampung berkenaan. Manfaat atau faedah yang diterima daripada program GDW menjadi pendorong untuk penduduk kampung bergiat aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan di tempat mereka.

iv. Penglibatan dalam penilaian

Penglibatan dalam penilaian dalam kajian ini merujuk kepada penyertaan penduduk dalam menilai pelaksanaan program GDW melalui perbincangan dengan pegawai agensi pelaksana, perbincangan dengan penduduk kampung yang lain serta perbincangan kemajuan aktiviti dan projek dalam mesyuarat yang diadakan di kampung berkenaan.

Keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (71.7 %) penduduk kampung telah terlibat dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti penilaian program GDW di tempat mereka (Jadual 3.0). Penduduk daripada kampung yang dikategorikan aktif adalah paling ramai (79.1 %) yang terlibat dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti penilaian program GDW di kampung mereka. Seterusnya diikuti oleh penduduk dari kampung yang sederhana aktif (74.8 %) dan kurang aktif (60.4 %). Penemuan kajian ini menunjukkan penduduk kampung yang terlibat dalam program GDW memberi keutamaan terhadap kepentingan penilaian terhadap setiap aktiviti yang dilaksanakan di kampung mereka.

Penemuan juga menunjukkan terdapat sebanyak 28.3 peratus daripada responden kajian tidak terlibat dalam sebarang aktiviti penilaian program GDW di kampung mereka. Analisis mengikut kategori keaktifan kampung menunjukkan sebilangan penduduk dari kampung yang aktif (20.9 %), sederhana aktif (25.2 %) dan kurang aktif (39.6 %) yang tidak terlibat dalam sebarang aktiviti penilaian program GDW yang dilaksanakan di tempat mereka. Mereka tidak terlibat dalam penilaian kerana tidak banyak aktiviti atau projek di bawah program GDW yang

dilaksanakan di tempat mereka. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang untuk turut serta dalam menilai aktiviti atau projek dalam program GDW. Hasil analisis menunjukkan terdapat perkaitan signifikan yang kuat ($P < 0.00$) di antara penglibatan penduduk kampung dalam penilaian aktiviti program GDW dengan pencapaian keaktifan sesebuah kampung GDW. Penemuan kajian ini menunjukkan semakin ramai penduduk sesebuah kampung terlibat dalam penilaian program GDW, semakin tinggi pencapaian keaktifan kampung berkenaan. Penyertaan penduduk kampung dalam menilai pelaksanaan aktiviti dan projek GDW di tempat sendiri membolehkan mereka mengetahui kejayaan dan kelemahan aktiviti dalam program GDW yang dilaksanakan dan mengambil tindakan sendiri untuk membaiki kelemahan yang berlaku.

Kesimpulan

Penglibatan masyarakat merupakan ciri utama bagi program pembangunan komuniti yang melaksanakan pendekatan 'bawah-atas'. Secara keseluruhannya masyarakat di luar bandar telah menyedari kepentingan penyertaan mereka dalam aktiviti pembangunan komuniti mereka. Kesedaran ini terbukti apabila mereka telah melibatkan diri dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, menerima manfaat dan penilaian program pembangunan komuniti yang dilaksanakan di kawasan kampung masing-masing. Penglibatan penduduk kampung dalam aktiviti-aktiviti tersebut juga telah memberi kesan terhadap pencapaian kampung-kampung yang terlibat dalam pelaksanaan program GDW.

Masyarakat luar bandar telah mula sedar tentang tanggungjawab dan peranan mereka dalam membangunkan kampung sendiri. Dengan bantuan pihak agensi pembangunan kerajaan penduduk luar bandar telah berjaya meningkatkan pencapaian kampung masing-masing. Melalui pendekatan 'bawah-atas' yang diamalkan dalam pelaksanaan program GDW pihak kerajaan telah mula memberi kebenaran kepada masyarakat untuk turut serta dalam pentadbiran dan pelaksanaan pembangunan komuniti di luar bandar. Walau bagaimanapun pihak kerajaan masih bertanggungjawab untuk memberi sokongan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh penduduk kampung melalui program GDW di tempat masing-masing. Sokongan dan

kerjasama yang diberikan turut menggambarkan keseriusan pihak kerajaan terhadap usaha-usaha membawa perubahan kepada masyarakat luar bandar melalui pelaksanaan program GDW. Sokongan kerajaan juga penting bagi mengatasi masalah kesukaran untuk menggerakkan anggota komuniti untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh organisasi setempat. Di mana lazimnya penduduk di kawasan luar bandar lebih patuh, percaya dan sedia untuk turut serta dalam aktiviti yang mendapat sokongan daripada kerajaan.

Bibliografi

- Arnstein, S.R. 1971. *Eight Rungs on the Ladder of Participation*. Dalam Boyle, P. G. 1981, *Planning Better Programs*. USA: MacGraw-Hill, Inc.
- Asnarulkhadi Abu Samah. 2009. *Teori dan Amalan Pembangunan Komuniti dalam perkhidmatan Kebajikan Masyarakat*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pembangunan Komuniti. Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia.
- _____. 2005. *Pendayaupayaan Komuniti Melalui Penglibatan: Satu Penilaian Umum terhadap Pembangunan Komuniti di Malaysia*. *Malaysia Journal of Social Policy and Society*. Vol. 2: 75-91.
- _____. 2001. *Pendayaupayaan dalam Pembangunan Komuniti di Malaysia*. Kertas kerja yang di Bentangkan dalam Third International Malaysia Studies Conference, Universiti Kebangsaan Malaysia, 6-8 Ogos 2001, anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- _____. 1988. *KEMAS, Pembangunan Komuniti dan Kemiskinan: Satu Kajian Kes di Daerah Jasin, Melaka*. Tesis M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Batten, T.R. 1957. *Communities and Their Development*. New York: Oxford Press.
- Biddle, W.W. dan Biddle, L. J. 1965. *The Community Development Process: The Rediscovery of Local Initiatives*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

- Snow, D.A., Zurcher, L.A. dan Olson, S.E. 1980. Social Networks and Social Movements: A Microstructural Approach to Differential Recruitment. *American Sociological Review*. Vol. 45: 787–801.
- Soen, D. 1981. Citizen and Community Participation in Urban Renewal and Rehabilitation-Comments on Theory and Practice. *Community Development Journal*. Vol. 16(2): 105-118.
- Stinson, T.F. dan Stam, J.M. 1976. Toward and Economic Model of Volunteerism: The Case of Participation in Local Government. *Journal of Voluntary Action Research*. Vol. 5: 52-60.
- Stohr, W.B. 1981. Development from Below: The Botom-Up and Periphery-Inward Development Paradigm. Dalam Stohr, W.B. & Taylor, D.R.F. (eds.), *Development from Above or Below? The Dialectics of Regional Planning in the Developing Countries*. New York: John Wiley and Son.
- Tandon, R. 2008. Participation, Citizenship and Democracy: Reflections on 25 Years' of PRIA: *Community Development Journal*. Vol. 43(3): 284-296.
- Thomas, D.N. 1983. *The Making of Community Work*. London: George Allen & Unwin.
- Toch, H. 1966. *The Social Psychology of Social Movement*. London: Methuen.
- Tolbert, P. 1981. Determinants of Social Movement Participation. Paper Presented at the Annual Meeting of the American Sociological Association, Toronto.
- Tosun, C. 2000. Limit To Community Participation in the Tourism Development Process in Developing Countries. *Tourism Management*. Vol. 21: 613-633.
- Taylor, P. 2008. Where Crocodiles Find Their Power: Learning and Teaching Participation for Community Development. *Community Development Journal*. Vol. 43(3): 358-370.

- United Nations dan Asian Pasific Development Institute 1980. *Local Level Planning and Rural Development: Alternative Strategies*. New Delhi: Concept Publishing Company.
- United Nations. 1981. *Popular Participation as a Strategy for Promoting Community Level Action and National Development*. New York: Department of International Economic and Social Affairs.
- _____. 1975. *Popular Participation in Decision Making for Development*. New York: United Nations Publication.
- _____. 1971. *Popular Involvement in Developing Emerging Trends in Community Development*. New York: United Nations Publication.
- _____. 1956. *Twentieth Report to ECOSOC of the United Nation Administrative Committee on Co-ordination*. New York: United Nation Publication.
- Wandersman, A. 1981. A Framework of Participation in Community Organization. *The Journal of Applied Behavioral Science*. Vol. 17(1): 27-58.
- Williams, C.C. 2005. A Critical Evaluation of Hierarchical Involvement: Some Lessons from the UK. *Community Development Journal*. Vol. 40(1): 30-38.
- Zainal Kling. 1986. Pembangunan Komuniti: Perspektif Sosiobudaya. Kertas Kerja yang diBentangkan dalam Seminar Kebangsaan Integrasi dan Pembangunan Sabah, Bangi, 24-26 Februari.
- Zurcher, L.A. dan Snow, D.A. 1981. Collective Behavior: Social Movement. Dalam Rosenberg, M. & Turner, R. H. (eds.), *Social Psychology, Sociological Perspectives*. New York: Basic.